

## UMS anjur Townhall di Kampus FPL Sandakan

Terakhir dikemaskini: Jumaat, 23 Februari 2018 16:04 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 271

[Kongsi 0](#)[Syorkan 0](#)[Kongsi](#)[Tweet](#)[Share](#)

**JUMAAT, 23 FEBRUARI:** Program Townhall Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus mendapat sambutan memberangsangkan daripada kakitangan pelbagai lapisan di universiti itu.

Terbaru, UMS mengadakan program tersebut di Fakulti Pertanian Lestari (FPL) Kampus UMS Sandakan yang dihoskan Penolong Naib Canselor UMS, Prof. Dr. Marcus Jopony.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan FPL, program sehari itu menyaksikan kupasan Pelan Strategik UMS 2018-

2020 bersama Naib Canselor UMS, Prof D. Kamarudin D. Mudin.

Dalam masa yang sama Naib Canselor UMS berkongsi pandangan daripada pihak pengurusan universiti di samping memberi peluang kepada semua kakitangan pelbagai skim dan gred jawatan di FPL mengemukakan cadangan ke arah merealisasikan visi dan misi universiti.

Program itu disertai Dekan FPL UMS Sandakan, Prof Madya Dr. Saafie Salleh bersama seramai 121 kakitangan akademik dan pentadbiran di fakulti berkenaan.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Shahril Yusof; Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Rasid Mail; Pendaftar, No'man Datuk Hj. Ahmad; Bendahari, Zallifah Shadan; dan Ketua Pustakawan UMS, Dayang Rukiah Awang Amit.

Untuk rekod, Program Townhall UMS sebelum ini telah dilangsungkan di UMS Kota Kinabalu dan UMS Kampus Antarabangsa Labuan.

Sumber: Roslan Gimba FPL